



## PROGRAM 7 PILLARS: WACANA SOSIAL FASA 1

Oleh: Azilawati Suanda

rasuah di dalam profesionalisma seorang jurutera. Selain itu, ia adalah bertujuan menanam kesedaran sivik di kalangan para pelajar dan warga UniMAP supaya akan lahir graduan yang akan mengimbangi profesion di samping memenuhi tuntutan sosial.

Program yang telah berlangsung ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Selain itu, En. Abdul Aziz Mahmuddin, Pengarah Unit Pembangunan Koporat telah dilantik menjadi moderator untuk forum yang telah dihadiri oleh 2 orang Pegawai daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Pelbagai isu telah dikupas bagi memberi pemahaman yang menyeluruh kepada pelajar UniMAP akan kepentingan integriti di dalam kehidupan seharian. Nilai integriti bukan sahaja diterapkan di alam pekerjaan, malah sebagai seorang pelajar juga hendaklah dimasukkan nilai-nilai ini dalam menjalani kehidupan harian sebagai seorang pelajar yang beretika.

Dengan adanya program seperti ini diharap dapat membentuk pelajar UniMAP ke arah pembangunan modal insan yang cemerlang. Nilai integriti harus dimantapkan di kalangan semua pelajar supaya mereka berpegang kepada amanah, jujur, telus dan ikhlas dalam menjalani tanggungjawab masing-masing.



Pada 19 Februari 2009 yang lalu bertempat di Dewan Kapitol UniMAP telah berlangsung Program Wacana Sosial untuk Pelajar Pengajian Peringkat Diploma. Program anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ini telah dihadiri oleh Pelajar Pengajian Peringkat Diploma iaitu Pelajar Tahun 1.

Tema program kali ini ialah "Integriti: Teras Profesionalisma Jurutera UniMAP". Tema ini dipilih adalah kerana terhakisnya integriti di kalangan rakyat Malaysia kini sudah mula dapat dilihat. Dalam era globalisasi ini, di mana pembangunan lebih mementingkan kemajuan manusia, ada kejayaan dalam bidang ekonomi, kebendaan termasuk juga tahap penguasaan teknologi. Nampaknya, semakin lama semakin tercabar integriti sama ada di peringkat diri ataupun di peringkat institusi sama ada dari segi moral ataupun undang-undang. Kita makin cenderung melihat secara enteng dalam integriti bahkan integriti hanya indah disebut dibibir sahaja dan tidak memberi apa-apa makna. Ada pula pihak mengatakan bahawa sesiapa yang bercakap tentang integriti ini adalah ketinggalan zaman.

Antara objektif program ini adalah memberikan kesedaran khususnya kepada para pelajar dan umumnya kepada warga UniMAP tentang integriti dan keburukan